

05/11/1997

Tiada niat bubar Persatuan Ulama

PERDANA Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pernah mengeluarkan kenyataan untuk membubarkan Persatuan Ulama Malaysia (PUM), kata Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri Datuk Muhamad Abdullah.

Beliau berkata, persatuan ulama itu didaftarkan mengikut Akta Pertubuhan 1973 dan pembubarannya boleh dibuat atas kehendak persatuan itu sendiri atau atas sebab yang melanggar akta itu.

Muhamad berkata demikian ketika menjawab soalan asal Bunyamin Yaakob (PAS-Bachok) yang meminta penjelasan sama ada Dr Mahathir serius atas keputusan itu dan apakah kriteria yang diguna pakai dalam membuat keputusan berkenaan.

Mohd Isa Sabu (BN-Kangar) pula menyifatkan kenyataan itu sebagai fitnah politik yang dilemparkan kepada Dr Mahathir. Beliau juga ingin tahu sama ada ia boleh diambil tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Katanya, kerajaan tidak menganggapnya terlalu serius sehingga perlu diambil tindakan ke tahap itu, kadangkala ada sesetengah pemimpin persatuan ulama yang agak terkeluar daripada objektif sebenar pertubuhan dan ada antara mereka yang membuat kenyataan yang agak menyinggung perasaan pihak kerajaan.

(END)